



HARAPAN 2017

➔ UA sematkan azam tahun baharu tangani cabaran semakin besar

Oleh Meor Ahmad
Nasriin Rizal Ishak
meor.ahmad@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Menjelang sambutan tahun baharu Ahad ini, rata-rata universiti awam (UA) sudah menetapkan azam untuk mencapai sasaran mempertingkatkan penjana pendapatan masing-masing melalui pelbagai inisiatif, termasuk menambah bilangan penuntut luar negara.

Tinjauan *Varsiti* mendapati pihak pengurusan tertinggi UA menyifatkan agenda itu penting bagi memastikan kemampuan menampung kos untuk terus memacu kecemerlangan pelajar, kakitangan dan universiti secara keseluruhan, terutama dalam keadaan ekonomi global

semakin mencabar kini.

Selain itu, mereka akan menumpukan sepenuh komitmen untuk merealisasikan pelan strategik dan petunjuk prestasi utama (KPI) ditetapkan, memperbaiki kedudukan universiti dalam penarafan antarabangsa serta memperkasa kebolehpasaran graduan.

Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof Datuk Dr Zakaria Kasa, berkata pihaknya akan mempergiat pelaksanaan aktiviti menerusi UPSI Holdings Sdn Bhd dan jalinan kerjasama untuk memperkukuh kewangan universiti pada tahun depan.

“Antaranya, UPSI akan bekerjasama dengan majlis agama negeri untuk mendapatkan ruang dan peluang menjadi mutawalli bagi mengutip serta menguruskan dana tabung wakaf yang universiti lancarkan nanti.

V2

Wj 9/12 24/12

UA mantapkan kerjasama luar tambah dana

[FOTO HIASAN]



UA mahu mencapai sasaran mempertingkatkan penjaanaan pendapatan masing-masing melalui pelbagai inisiatif, termasuk menambah bilangan penuntut luar negara.

← Dari V1

“Menerusi endowmen, orang ramai juga dapat menyumbang kewangan untuk pembangunan dan pengurusan universiti,” katanya ketika dihubungi, baru-baru ini.

Di samping itu, beliau berkata, UPSI boleh menjana pendapatan daripada yuran pengajian pascasiswazah penuntut antarabangsa, lebih-lebih lagi sekiranya kadar berkenaan dinaikkan mengikut perkembangan semasa.

Sambil menjelaskan UPSI menerima kemasukan 6,000 pelajar pascasiswazah tahun

ini, Prof Zakaria yang juga Ketua Kluster Pendidikan dan Pembangunan Modal Insan, Majlis Profesor Negara (MPN) berkata, universiti itu akan turut berusaha memastikan pencapaian KPI ditetapkan Kementerian Pendidikan Tinggi.

Lancar tabung wakaf
Sementara itu Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Datuk Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak turut senada menyuarakan azam mempertingkatkan pendapatan UA berkenaan pada tahun depan.

“UUM akan melancarkan

tabung wakaf pada awal tahun depan. Wakaf pendidikan adalah baik untuk membolehkan umat Islam mewakafkan harta ke arah jalan diredai Allah SWT.

“Universiti Al-Azhar yang berjaya dan cemerlang juga mempunyai tabung wakaf serta mampu membiayai pelajar Islam di serata dunia,” katanya.

Tahun depan, beliau berkata, UUM juga akan terus berusaha menjayakan pelan strategik dan memacu ranking universiti, selain menambah bilangan penuntut antarabangsa serta pascasiswazah.



Prof Datuk Dr Zakaria Kasa



Prof Datuk Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak

Kebolehpasaran graduan
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran, pula berkata universiti itu mahu memperkasakan lagi kebolehpasaran graduannya.

“Usaha mempertingkatkan kebolehpasaran graduan adalah sangat mencabar dalam keadaan ekonomi kini. Industri memerlukan graduan yang bagus dari kedua-dua aspek akademik dan kemahiran insaniah untuk menjadi pekerja mereka.

“Dari segi akademik,

fakulti universiti ini sudah pakar dalam melahirkan graduan memiliki kecemerlangan tinggi. Oleh itu, UPM perlu memberi perhatian untuk meningkatkan kemahiran insaniah pelajar dengan memastikan pembabitannya dalam aktiviti kokurikulum dan program kesukarelawanan,” katanya.

Beliau berkata, kecemerlangan akademik semata-mata bukan ‘tiket khas’ untuk melangkah ke alam kerjaya, sebaliknya keseimbangan bersama kemahiran insaniah adalah penting bagi melahirkan graduan holistik.